



### 02 SEPTEMBER 2020 PROGRAM KECERGASAN BERSAMA PKKA

- Program Kecergasan bersama Staf Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni di Dewan Badminton UTHM.
- Turut diadakan perkongsian berkaitan senaman dan kecergasan kepada semua peserta yang terlibat.

### 07 SEPTEMBER 2020 LAWATAN KERJA KE BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR DAN TADBIR URUS AKADEMIK UPM

- Lawatan Kerja ke Bahagian Kemasukan Pelajar dan Tadbir Urus Akademik UPM sebagai persediaan UTHM merangka Dasar Kemasukan Laluan Khas Atlet ke UTHM. Penglibatan Delegasi UTHM adalah terdiri daripada Pusat Sukan Universiti, Pejabat Pengurusan Akademik, Pusat Pengajian Diploma, Pusat Latihan dan Akademik, Pusat Teknologi Maklumat dan Fakulti.



### 09 SEPTEMBER 2020 ROAD TOUR PEJABAT BENDAHARI KE PUSAT SUKAN UNIVERSITI

Siri Lawatan Pejabat Bendahari ke Pusat sukan Universiti bagi berkongsi info dan pendapat bagi perkara yang berkaitan kewangan yang melibatkan prestasi Kewangan, perolehan, tanggungan dan pembayaran.

### 9 SEPTEMBER 2020 KEPUTUSAN MOBILE LEGENDS LEAGUE FASA 1

- Tahniah diucapkan kepada para pemenang Mobile Legends League yang telah berlangsung pada 24 Ogos hingga 8 September anjuran Pusat Sukan Universiti dengan kerjasama Pasukan E-Sports UTHM. Senarai pemenang adalah seperti berikut :

Juara - Team blank  
N. Juara - Turmeric E-Sport  
Ketiga - Volcanoes Zone





### 10 SEPTEMBER 2020 PROGRAM UTHM MERDEKA FUN RIDE

- Program UTHM Merdeka Fun Ride 2020 bersempena Majlis Perasmian Penutup Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke 63 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) anjuran bersama Pejabat Pendaftar dan Pusat Sukan Universiti telah berlangsung dengan jayanya dengan penyertaan seramai 150 orang peserta.

### 20 SEPTEMBER 2020 PERBINCANGAN BERSAMA PEJABAT HEP, UTHM

- Telah diadakan sesi perbincangan di antara Pusat Sukan Universiti bersama Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) berkaitan pengurusan aktiviti, insurans dan lain-lain yang berkaitan dengan kebijakan pelajar.



### 22 SEPTEMBER 2020 BENGKEL KECEMERLANGAN SUKAN UTHM

- Penganjuran Bengkel Kecemerlangan Sukan UTHM telah berjaya dijalankan bagi merealisasikan hasrat pelaksanaan Hussein Global yang mensasarkan peglibatan dari pada atlet UTHM.

### 23 SEPTEMBER 2020 UJIAN KECERGASAN BAGI CALON TEMUDUGA

- Pusat Sukan Universiti telah diberikan tanggungjawab untuk menjalankan Ujian Kecergasan bagi calon temuduga Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan Pembantu Keselamatan Gred KP19.





**WEBINAR**  
**GOOGLE MEET**



BINA 'HOME GYM' MURAH

30 September 2020  
10.00 Pagi -

Bersama:  
Prof. Madya Dr. Nur Ikhwan bin  
Pensyarah Latihan Kekuatan & Suaian Fizikal  
Fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan, UPSI

ANJURAN BERSAMA PEJABAT PENGETAHUAN





**30 SEPTEMBER 2020**

**WEBINAR : BINA "HOME GYM" MURAH**

Penganjuran ini merupakan inisiatif ke arah gaya hidup sihat sepanjang tempoh PKPP yang telah dijalankan secara atas talian kepada staf universiti. Kursus yang bertajuk Bina "Home Gym" Murah ini telah dijalankan selama tempoh 2 jam bersama Prof. Madya Dr Nur Ikhwan bin Mohamad, Pensyarah Latihan Kekuatan & Suaian Fizikal Fakulti sains Sukan & Kejurulatihan, UPSI.

**30 SEPTEMBER 2020**  
**NAIB JUARA KEJOHANAN UMOBILE MICC SEASON 2**

- Tahniah diucapkan kepada Pasukan Mobile Legends UTHM yang telah berjaya dinobatkan sebagai Naib Juara bagi Kejohanan UMobile MICC Season 2. Senarai atlet adalah seperti berikut:
- |                                 |                         |
|---------------------------------|-------------------------|
| 1. Pedrickson anak Petrus Felix | 4. Taufik hidayat       |
| 2. Adlee haskimi                | 5. Muhammad zaim marwan |
| 3. Muhammad Afif                | 6. Muhammad Har A'izzat |



**06 OKTOBER 2020**  
**LAWATAN PENANDA ARAS KE UTM, SKUDAI**

- Lawatan ini diadakan sebagai usaha dan inisiatif PSU bagi meningkatkan perkhidmatan dan pengurusan kemudahan sukan di UTHM. PSU juga berpeluang melihat kerja-kerja naiktaraf yang sedang dijalankan di 4 buah Padang Bola Sepak UTM-JDT. Terima kasih diucapkan kepada Unit Pengurusan Fasiliti Sukan, Kluster Sukan, Rekreasi & Edupelancongan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM atas segala perkongsian yang telah diberikan.

**11 OKTOBER 2020**  
**GOTONG ROYONG MENYSUNATUR PERALATAN STOR**

- Program gotong-royong di peringkat PSU bagi mengemaskini susunatur peralatan sukan di stor olahraga. Selain itu, staf turut berkongsi pengalaman dalam pengurusan stor sukan sebagai perkongsian maklumat.





September & Oktober 2020



**15 OKTOBER 2020  
JEMPUTAN AKTIVITI KECERGASAN BERSAMA  
PPA**

- Pusat Sukan Universiti telah menerima jemputan bagi menjayakan aktiviti kecergasan bersama Pejabat Pengurusan Akademik dengan pendedahan kepada aktiviti tabata. Sesi perkonsian senaman dan kecergasan juga turut diberikan kepada semua peserta.

**22 OKTOBER 2020  
KERJA-KERJA MENYUSUNATUR RUMAH  
KAYAK**

- Kerja-kerja menyusunatur peralatan dan bot di Rumah Kayak PSU dengan melibatkan usahasama PSU dan PPUK.



**27 OKTOBER 2020  
MAJLIS ANUGERAH SUKAN UTHM 2020**

- Penganjuran Majlis Anugerah Sukan UTHM 2019 yang buat julung-julung kalinya diadakan secara atas talian melalui saluran youtube UTHM TV. Walaupun kita sedang berdepan dengan Pandemik Covid19, majlis penganugerahan ini tetap dijalankan dalam keadaan normal baharu. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah.

